



Kelantan wartakan pulau di delta Tumpat sebagai HSK

Cabaran Mr Awang Selamat 2025: DAMAK tonjol gaya hidup sihat anak muda

KIAS rangka strategi ke arah universiti penuh

MBI Kelantan capai usia 35 Tahun, PKS lancar buku kejayaan pentadbiran

## YTM Tengku Mahkota Kelantan rasmi Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Peringkat Kebangsaan

Oleh: Asri Hamat

TUMPAT, 22 September – Yang Teramat Mulia (YTM) Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Fakhry Petra ibni almarhum Sultan Ismail Petra berkenan mencemari merasmikan Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Padang Kemahkotaan Pantai Ndo, di sini, semalam.

Pada majlis itu, YTM Tengku Mahkota turut berkenan mengurniakan sijil penghargaan kepada badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat yang aktif menjayakan usaha pemeliharaan hutan paya laut negara, selain menanam sepokok pokok sebagai simbolik komitmen terhadap pemuliharaan ekosistem pesisir pantai.

Hadir sama ialah Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasruddin Daud bersama timbalannya, YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr Tengku Mohamed Faziharudean al-Haj Tengku Feissal diringi Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)



Datuk Dr Ching Thoo a/l Kim dan Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) Dato' Zahari Ibrahim.

Menurut kenyataan media NRES, usaha memelihara dan memulihara hutan paya laut serta kawasan pesisir pantai terus diperkasa secara bersepadu dengan penglibatan pelbagai pihak sejak Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies Sesuai di pesisiran pantai dilancarkan pada 2005, susulan tragedi tsunami.

“Sehingga September 2025, lebih sembilan juta pokok telah ditanam melibatkan keluasan 3,820 hektar di seluruh negara,” jelas kenyataan itu.

Selain itu, lebih 120 kajian penyelidikan telah dijalankan se-

bagai rujukan utama, dengan penglibatan aktif 13 NGO dan komuniti setempat. Inisiatif ini bukan sahaja mengekalkan kelestarian alam, malah membuka peluang ekonomi melalui perikanan, industri arang kayu, eko-pelancongan dan penghasilan produk berasaskan hutan paya laut.

Antara kejayaan program termasuklah penanaman pokok di Delta Kelantan, Pantai Senok yang kini menjadi destinasi eko-pelancongan popular, industri arang kayu di Larut Matang, Perak, pusat pembelajaran dan penyelidikan di Kuala Selangor serta pembangunan ekonomi baharu di Pulau Ketam, Perlis.

Di Sarawak, tiga kawasan telah digazetkan sebagai kawasan per-



Sehingga September 2025, lebih sembilan juta pokok telah ditanam melibatkan keluasan 3,820 hektar di seluruh negara,”

lindungan sepenuhnya dengan impak ekonomi melebihi RM3 juta setahun, manakala di Sabah, kawasan penanaman sejak 2006 menjadi sumber utama makanan laut bagi komuniti tempatan.

Sambutan kali ini berlangsung selama dua hari, bermula 20 hingga 21 September, bersekaian dengan Karnival Kebangsaan Perhutanan Sosial dan Hari International Coastal Cleanup (ICC), dengan tema “Ekosistem Hutan Paya Laut dan Komuniti”.

Untuk rekod, Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa disambut pada setiap 26 Julai seperti yang diisytiharkan UNESCO pada Persidangan Sesi Ke-38, 6 November 2016 di Paris.



# Kelantan wartakan pulau di delta Tumpat sebagai HSK

Oleh: Asri Hamat

**TUMPAT**, 22 September – Kerajaan Negeri Kelantan mengambil langkah proaktif dengan mewartakan sebahagian pulau di Delta Tumpat sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) bagi memastikan pemuliharaan spesies bakau dan pesisiran pantai terus terjamin.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata keputusan itu diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Bilangan 15/2025 pada 16 Julai lalu.

"Kerajaan Negeri melalui MMK telah bersetuju untuk mewartakan sebahagian daripada pulau-pulau yang ada di Delta Tumpat sebagai HSK bagi tujuan pemuliharaan spesies bakau dan pesisiran pantai," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Ke-



bangsaan di Padang Kemahkotaan, Pantai Ndo, semalam.

Majlis berprestij itu disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Fakhry Petra ibni Almarhum Sultan Ismail Petra, yang turut menzahirkan sokongan terhadap inisiatif melestarikan ekosistem hutan paya laut.

Dalam perkembangan berkaitan, Menteri Besar juga mengumumkan pewartaan dua lagi kawasan baharu sebagai HSK, iaitu Taman Rafflesia di Tanah Tinggi

Lojing dan Wetland di Tok Bali.

"Keputusan ini membuktikan komitmen kerajaan negeri dalam memelihara hutan paya laut yang ada di negeri ini kerana menjaga alam sekitar adalah amanah untuk kesejahteraan generasi masa depan," katanya.

Beliau juga menekankan bahawa hutan paya laut menjadi benteng semula jadi untuk menahan hakis ombak dan rebut dan menjadi sumber rezeki nelayan serta habitat biodiversiti yang unik.

Menteri Besar turut menzahir-



kan penghargaan atas pemilihan Kelantan sebagai tuan rumah sambutan bertaraf kebangsaan yang menggabungkan dua acara utama iaitu Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa dan Karnival Perhutanan Sosial.

"Semoga majlis ini bukan sekadar simbolik, tetapi menjadi titik tolak kepada kerjasama erat antara kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, NGO, akademik dan masyarakat dalam memperkukuhkan agenda kelestarian negara," ujarnya.

## Kelantan perkenal tapak motorhome, tarik pelancong dan sokong perniagaan tempatan



Oleh: Syamimi Manah

**KOTA BHARU**, 22 September – Kelantan kini melangkah setapak ke hadapan dalam segmen pelancongan rekreasi dengan memperkenalkan beberapa tapak khas motorhome dan karavan, sekali gus menjadikan negeri ini destinasi baharu bagi peminat kembara jalan raya.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamaruddin Md Nor berkata tiga lokasi utama telah dikenal pasti iaitu Gunung Reng di Jeli, Jeram Mengaji di Pasir Puteh dan Pantai Kemasin di Bachok.

"Tapak ini dilengkapi kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan tandas bagi memberi kesesuaian kepada pengunjung. Gunung Reng mampu menampung 80 motorhome, Jeram Mengaji 120, manakala Pantai Kemasin lebih 300 kenderaan rekreasi," katanya selepas merasmikan pembukaan semula Pasar Pelancongan Pengkalan Datu, semalam.

Beliau menegaskan bahawa penyediaan tapak tersebut mampu menarik kedatangan pelancong serta memberi ruang kepada usahawan tempatan memasarkan produk dan makanan tradisional, sekali gus membuka peluang ekonomi baharu.

Menurutnya lagi, fenomena motorhome di Kelantan semakin rancak selepas Pesta Rakyat Gunung Reng hujung minggu lalu yang menarik penyertaan 47 motorhome. Sejak itu, aktiviti konvoi dan percutian berkumpulan kenderaan rekreasi semakin mendapat


tempat dalam kalangan pelancong domestik dan antarabangsa.

"Penganjur acara kini menekankan elemen budaya dalam program rasmi, swasta dan komuniti. Langkah ini bukan sahaja memartabatkan identiti Kelantan, malah memberi nilai tambah kepada produk pelancongan negeri," ujar Datuk Kamaruddin.

Beliau juga yakin melalui penyediaan tapak motorhome yang lebih sistematik, Kelantan dijangka

muncul sebagai hub baharu pelancongan rekreasi jalan raya, menggabungkan kembara motorhome, keindahan alam, dan warisan budaya yang unik di negeri ini.

"Selain keindahan alam semula jadi, Kelantan turut mengekalkan pesona budayanya. Dikir barat, silat, wau, mak yong, pakaian serta makanan tradisional terus dipersembahkan sebagai sebahagian daripada pakej pelancongan negeri," jelasnya.



# Kelantan Future Leaders Convention 2025 sasar 450 penyertaan belia

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 23 September— Kerajaan Negeri Kelantan melalui Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) akan mengadakan Kelantan Future Leaders Convention 2025 yang dijadualkan berlangsung pada 27 September ini dengan sasaran penyertaan seramai 450 belia dari seluruh negeri.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata konvensyen tersebut bertemakan “Melahirkan Negarawan Al-Qawiyy Al-Amin” yang menjadi titik permulaan dalam melahirkan bakat kepimpinan masa hadapan yang berintegriti dan memiliki sifat Al-Qawiyyul Amin.

Menurut YB Zamakhshari, antara pengisian utama adalah ucapan “Cabaran dalam Kepimpinan Semasa dalam Melahirkan Pemimpin Masa Hadapan Kelantan” yang akan disampaikan oleh mantan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan Ab Aziz Yunus.


“Dengan kepakaran dan pen-



galaman beliau meneraju GLC negeri akan menceritakan tentang cabaran yang telah dihadapi beliau serta harapan kepada anak muda Kelantan,” katanya menerusi satu hantaran media sosial milik beliau, semalam.

Selain itu, belia Kelantan akan dilibatkan secara langsung melalui forum “Kelantan Futures State 2033: Harapan Anak Muda”.

“Barisan panel forum ini adalah Timbalan Pengarah Urus Setia Belia dan Sukan (U-BeS) Mohd Firdaus Mohamed Nawi, Pegawai Pengurusan Projek MAIK Ahmad Syazwan Muhammad Hasan dan tokoh yang tidak asing lagi dengan



anak muda iaitu Pegawai Utama AmanahRaya Academy Nik Akmal Othman. Forum ini menjadi ruang interaktif untuk membincangkan aspirasi anak muda terhadap masa depan negeri,” jelasnya.

Tambah beliau, belia Kelantan juga akan disajikan dengan Pentas Inspirasi Belia Kelantan (KEL TALKS) yang bakal menghimpunkan ikon dari pelbagai bidang yang memberi inspirasi melalui pengalaman dan kepakaran mereka.

Antara yang hadir ialah Pensyarah Patologi Kimia Dr. Tengku Ahmad Damitri, Pegawai Latihan Yayasan Amanah Tok Kenali Ustaz Syed Ahmad Ridwan, Pen-



gasas dan CEO Hannan Medispa Sdn Bhd Prof. Adjung Dr. Mohd Hannan Yusof.

Selain itu pentas berkenaan juga bakal menampilkan pengaruh media sosial yang juga pengasas Senok Perut Izmer Mustapha atau lebih dikenali dengan Abe La serta Peguamcara dan Peguambela Ayuni Zukri.

Kemuncak untuk program itu adalah pelancaran Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK) dan Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) yang akan disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud.

## Cabaran Mr Awang Selamat 2025: DAMAK tonjol gaya hidup sihat anak muda



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 21 September— Cabaran Mr Awang Selamat Kelantan 2025 menzahirkan aspirasi Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK) yang menekankan gaya hidup sihat berasaskan disiplin latihan, pemakanan seimbang dan saringan kesihatan berkala.

Pertandingan tahunan anjuran Urus Setia Belia dan Sukan Negeri Kelantan (U-BeS) itu berlangsung meriah di ruang legar AEON Mall

Kota Bharu, sekali gus memperkukuh komitmen kerajaan negeri melahirkan generasi muda yang cergas, berakhlak dan berdaya saing.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata Mr Awang Selamat semakin berkembang sebagai platform mencungkil bakat muda serta mendidik mereka dengan disiplin hidup sihat.

“Program ini bukan sahaja

mencungkil bakat anak muda dalam bidang kecergasan, bahkan ia dilaksanakan berteraskan disiplin, pematuhan syariah dan nilai akhlak yang luhur. Inilah wajah baharu sukan bina badan di Kelantan,” katanya ketika merasmikan pertandingan itu semalam.

Menurutnya, sejak diperkenalkan pada 2016, Mr Awang Selamat menjadi ikon bina badan patuh syariah di Malaysia, membuktikan sukan moden mampu digarap seiring tuntutan agama. Peserta tampil dengan busana sopan seperti seluar silat, tanpa menjejaskan elemen kompetitif pertandingan.

Lebih penting, jelas YB Zamakhshari, penganjuran itu menyokong agenda Membangun Bersama Islam (MBI) dengan menekankan adab, maruah dan etika sukan. Ia juga seiring hala tuju Kelantan Futures State 2033 yang menyasarkan negeri ini sebagai hab kecergasan patuh syariah per-

ingkat kebangsaan.

Pertandingan anjuran U-BeS dengan kerjasama Pertubuhan Awang Selamat Anak Kelantan (PASAK), Department of Arts, Culture and Sport (DACs) serta rakan strategik itu mempertandingkan kategori Mr Awang Selamat Kelantan (Terbuka & Tertutup) mengikut berat badan, dan Open Man Physique mengikut ketinggian.

Acara tersebut turut menerima sokongan penaja utama, COSMOS International Consultancy Sdn. Bhd., dengan AEON Mall selaku tuan rumah serta sumbangan pelbagai penaja bersama yang memastikan kelancaran penganjuran.

“Semoga pertandingan ini terus berkembang di peringkat negeri dan kebangsaan, sekali gus mengangkat Kelantan sebagai rujukan utama sukan bina badan patuh syariah di Malaysia,” ujar YB Zamakhshari.

# Pensyarah KIAS cemerlang inovasi tempatan, antarabangsa



Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 21 September – Pensyarah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) terus membuktikan kemampuan apabila berjaya meraih kecemerlangan pelbagai anugerah dan pengiktirafan dalam pertandingan inovasi di peringkat tempatan serta antarabangsa.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata kejayaan itu mencerminkan komitmen tinggi warga akademik KIAS dalam memperkasa budaya inovasi dan penyelidikan.

“Apa yang lebih membanggakan, penyertaan dalam pertandingan ini turut melibatkan pelajar, sekali gus memberi mereka pendedahan awal dalam mengurus projek, membentangkan hasil kerja serta mengasah kemahiran penyelidikan dan komunikasi,” katanya ketika berucap pada sesi pagi, Istiadat Konvokesyen KIAS

Ke-25 di Dewan Johor, KIAS, pada Sabtu.

Selain kecemerlangan inovasi, KIAS turut mencipta sejarah apabila berjaya menganjurkan Global World of International Conference 2024 buat julung kalinya, membuka peluang kepada pelajar terlibat secara langsung dalam pengurusan acara bertaraf antarabangsa.

“Pelajar bukan sahaja mendapat pengalaman menganjurkan persidangan, bahkan berpeluang membina jaringan profesional dengan peserta dari pelbagai institusi dalam dan luar negara. Pendedahan seperti ini penting dalam membentuk keyakinan diri, penguasaan komunikasi global serta pemahaman terhadap ekosistem akademik antarabangsa,” ujarinya.

Dato' Wan Roslan juga menegaskan bahawa kepentingan KIAS dalam memperkukuhkan pendedahan antarabangsa agar pelajar mampu tampil sebagai graduan Rabbani yang bukan sahaja cemerlang dalam ilmu agama, tetapi juga

kritis, inovatif dan bersedia bersaing di peringkat global.

“Inilah ciri graduan Rabbani yang kita dambakan yang menggabungkan nilai, ilmu dan kreativiti demi kemajuan masyarakat,” katanya.

Beliau turut mengumumkan penganjuran Bulan Akademi 2025 pada Oktober depan yang akan menghimpunkan pelbagai aktiviti ilmiah termasuk pertandingan penulisan artikel, ulasan buku, pertandingan poster penyelidikan serta bengkel penulisan proposal bagi pelajar pascasiswazah.

“Inisiatif ini adalah untuk menghargai dedikasi pensyarah dan memberi ruang kepada pelajar mendalami proses penulisan dan penyelidikan, membina pemikiran kreatif serta menyumbang kepada pembangunan ilmu,” katanya lagi.

Dalam masa sama, KIAS turut meluaskan usaha penerbitan buku melalui kerjasama strategik dengan agensi seperti Dewan Bahasa

dan Pustaka (DBP), selain merancang penerbitan jurnal ilmiah di peringkat fakulti sebagai platform perkongsian hasil penyelidikan pensyarah dan pelajar.

“Langkah ini akan memperluaskan penerbitan karya ilmiah serta menjadikan KIAS sebagai pusat rujukan yang berwibawa dalam bidang akademik dan penyelidikan,” tambah beliau.

Sementara itu, Rektor KIAS Profesor Dr. Mazlan Ibrahim menegaskan keistimewaan KIAS terletak pada kombinasi program Pengajian Islam dan Pengurusan di peringkat sarjana muda, yang memberi kelebihan kepada graduan untuk memasuki pasaran kerja tanpa perlu mengikuti kursus pengurusan tambahan.

“Mereka tidak lagi perlu mengikuti kursus pengurusan tambahan kerana telah diajar semasa pengajian di KIAS. Ini satu kelebihan besar bagi graduan kami,” jelasnya.

Tambahnya, KIAS kini telah menawarkan program sarjana dan bakal membuka pengajian Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pengajian Islam pada penghujung tahun ini.

“Ini memberi peluang kepada lepasan KIAS untuk menyambung pengajian mereka ke peringkat lebih tinggi, sama ada di KIAS atau institusi pengajian tinggi lain kerana sijil KIAS telah diiktiraf,” jelasnya.

## MDTM musnahkan rokok elektronik hasil sitaan

Oleh: Syamimi Manah

**TANAH MERAH**, 24 September – Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) melaksanakan proses pemusnahan rokok elektronik (vape) yang dirampas hasil operasi penguatkuasaan di sekitar kawasan pentadbirannya, semalam.

Proses tersebut disaksikan Ahli Dewan Negeri (ADN) Bukit Panau, YB Dato' Abdul Fattah Mahmood bersama Ahli-Ahli Majlis MDTM, wakil Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tanah Merah, Setiausaha serta pegawai-pegawai MDTM.

Yang Dipertua MDTM Wan



Ahmad Suwaidi Zainal Abidin berkata larangan penjualan rokok elektronik di Kelantan telah dikuatkuasakan sejak 2015, namun masih terdapat pihak yang cuba melanggar peraturan tersebut.

“MDTM akan mengambil tin-



dakan tegas tanpa kompromi. Peniaga diminta menghentikan segera aktiviti penjualan cecair vape dan peranti rokok elektronik. Operasi penguatkuasaan terhadap larangan ini akan dilaksanakan secara berterusan di daerah Tanah Merah,” te-

gasnya menerusi satu kenyataan di laman rasmi MDTM.

Beliau turut mengingatkan masyarakat serta pemilik premis agar sentiasa mematuhi undang-undang negeri demi kesejahteraan bersama.

# KIAS rangka strategi ke arah universiti penuh

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU, 21 September** – Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) kini sedang merangka strategi komprehensif ke arah penubuhan universiti penuh.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata langkah itu disifatkan signifikan dalam memperkukuh peranan negeri Kelantan sebagai pusat keilmuan Islam bertaraf antarabangsa.

Menurutnya, usaha itu digerakkan secara teliti dengan penekanan kepada kualiti pengajaran, perluasan bidang penyelidikan serta jaringan kerjasama akademik di dalam dan luar negara.

"Pembangunan infrastruktur, penambahan tenaga akademik berkepakaran dan penambahbaikan sistem pentadbiran turut menjadi agenda utama bagi memastikan KIAS bersedia memenuhi piawai sebuah universiti penuh," katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa penubuhan universiti penuh berteraskan Islam bukan sahaja akan mengangkat kedudukan



Kelantan sebagai pusat pendidikan tinggi, malah berpotensi menarik minat pelajar dan penyelidik dari seluruh dunia.

"Dengan sokongan padu semua pihak, kita yakin matlamat menjadikan KIAS sebuah universiti penuh akan tercapai, seterusnya menjadi mercu tanda kebanggaan negeri dan ummah," ujarnya.

Tambahnya, Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa memberi keutamaan kepada pembangunan pendidikan tinggi sebagai asas pembinaan modal insan berkualiti.

Sehubungan itu, pelbagai inisiatif telah dirangka bagi memperluas akses pendidikan kepada anak-anak Kelantan.

Antara inisiatif tersebut ialah

penyediaan dana khas untuk geran penyelidikan pensyarah KIAS, dengan matlamat menghasilkan dapatan kajian yang mampu memberi manfaat langsung kepada pembangunan negeri dan masyarakat setempat.

Selain itu, kerajaan negeri turut memperkenalkan pelbagai bentuk bantuan kewangan termasuk biasiswa, dermasiswa serta pinjaman pendidikan bagi memastikan faktor kewangan tidak menjadi penghalang kepada pelajar berpotensi melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Usaha ini mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam memastikan anak-anak Kelantan dapat menimba ilmu tanpa halangan, seterusnya kembali menyum-

bang bakti kepada agama, bangsa dan tanah air," katanya.

Dalam pada itu, Menteri Besar juga menyeru graduan agar menguasai kemahiran baharu, termasuk bidang keusahawanan, inovasi, teknologi Islam dan ekonomi halal yang kini sedang berkembang pesat.

"Jangan hanya menunggu peluang kerja, sebaliknya cipta peluang baharu agar dapat menjadi peneraju dalam sektor yang sedang berkembang ini," tegasnya.

Untuk rekod, sejak penubuhannya lebih suku abad lalu, KIAS telah melahirkan 6,770 graduan dalam pelbagai bidang termasuk ilmuwan Islam, imam, pendidik, pegawai hal ehwal agama serta pemimpin komuniti.



## 170 pelajar DUN Pengkalan Kubor terima sumbangan ke IPT



Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 24 September** – Kerajaan Negeri Kelantan terus melaksanakan slogan dasar negeri berkebakaran apabila sebanyak 170 pelajar di Dewan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor menerima sumbangan sebagai galakan untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT).

Sumbangan tersebut disampaikan

kan oleh Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi Negeri yang juga ADN Pengkalan Kubor YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat di Wisma Imtiaz, Pusat Khidmat Dewan Negeri (PKD), Pengkalan Kubor pada Selasa.

YB Dato' Wan Roslan Wan berkata, inisiatif itu merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan negeri dalam membantu

pelajar yang bakal menyambung pelajaran ke menara gading.

"Ia sebagai tanda sokongan dan dorongan kepada para pelajar agar mereka terus cemerlang dalam bidang akademik," katanya menerusi satu hantaran di media sosial beliau pada Selasa.

Beliau turut berharap agar sumbangan yang disalurkan dapat meringankan beban kewangan pelajar serta memberi semangat baharu da-

lam usaha menuntut ilmu.

"Diharap sumbangan ini sedikit sebanyak meringankan beban kewangan pelajar serta memberi semangat baharu kepada mereka dalam usaha untuk menuntut ilmu.

"Kami di DUN Pengkalan Kubor sentiasa mendoakan agar mereka menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara," ujarnya lagi.



# KFLI lahirkan generasi pemimpin muda berjati diri, berwawasan – YB Zamakhshari

Oleh: Syamimi Manah

**KOTA BHARU**, 22 September – Pembinaan modul yang mantap dalam Program Kelantan Future Leaders Institut (KFLI) disifatkan memenuhi keperluan teknikal kerana diyakini mampu membentuk jati diri, daya kepimpinan serta keupayaan anak muda untuk tampil sebagai pemimpin masyarakat dan negeri pada masa depan.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata KFLI dilihat sebagai wadah utama dalam pembangunan kepimpinan belia di Kelantan yang dirangka secara sistematik untuk melahirkan generasi berintegriti, berwawasan dan celik isu semasa.

“Saya yakin, dengan kerangka modul yang kukuh, KFLI akan melahirkan generasi pemimpin muda yang bukan sahaja celik isu semasa, tetapi turut memiliki nilai integriti, kecekapan dan wawasan yang jelas untuk membawa Kelantan ke arah negeri yang lebih



Sejahtera,” katanya menerusi hantaran di media sosial, semalam.

Menurutnya, modul KFLI bakal menjadi panduan rasmi dalam melatih anak muda mengikut peringkat umur dan fasa kepimpinan bermula di sekolah, seterusnya ke peringkat mahasiswa dan akhirnya ke tahap kepimpinan strategik di peringkat negeri serta negara.

Lebih signifikan, modul itu turut dirangka agar sentiasa selari dengan Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK) dan dokumen hala tuju Kelantan Sejahtera 2033, menjadikan KFLI sebagai tong-

gak pembinaan kepimpinan belia bersepadu.

Turut hadir pada Bengkel Pembangunan Modul dan Silibus KFLI semalam ialah Ahli Dewan Negeri (ADN) Kuala Balah YB Dato’ Abdul Hadi Awang Kechil, Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG), Profesor Emeritus Dato’ Dr Johari Mat, Pengarah Pusat Kajian Strategik Dr. Wan Nik Wan Yusof termasuk pendakwah Ustazah Asmak Husin.

Tambah YB Zamakhshari, sejak diperkenalkan awal tahun ini, KFLI telah menganjurkan beber-



apa program latihan berperingkat, antaranya Kelantan Future Leader Camp (Februari) untuk pelajar sekolah menengah, Kelantan Future Leader Boot Camp (Jun) untuk lepasan SPM, STPM dan STAM, serta Kelantan Future Leader Academy (Ogos) yang memberi latihan kepimpinan kepada mahasiswa.

“Dengan pendekatan menyeluruh, KFLI diyakini menjadi teras utama melahirkan barisan pelapis kepimpinan belia yang berdaya saing, berkarakter Rabbani dan bersedia memimpin Kelantan pada masa depan,” jelasnya.

## Gua Musang simbol kebangkitan ekonomi baharu Kelantan – YBM Dato’ SUK



Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM**, 24 September – Gua Musang, jajahan terbesar di Kelantan wajar dijadikan simbol kebangkitan ekonomi baharu negeri ini dengan kekayaan sumber semula jadi, kedudukan strategik, sokongan infrastruktur serta pelaksanaan projek berimpak tinggi.

Setiausaha Kerajaan Negeri YBM Tengku Kaya Perkasa Dato’ Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal menegaskan demikian ketika mengada-

kan lawatan kerja rasmi ke Jajahan Gua Musang, Khamis lalu.

“Gua Musang bukan hanya jajahan terbesar di Kelantan, tetapi wajar menjadi simbol kebangkitan ekonomi baharu negeri ini dengan kekayaan sumber semula jadi, kedudukan strategik, sokongan infrastruktur dan pelaksanaan projek berimpak tinggi,” jelasnya ketikanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya lagi, kelebihan geografi dan sumber yang dimiliki Gua Musang perlu diterjemahkan dalam bentuk perancangan strate-

gik, dengan kerjasama erat antara semua jabatan serta agensi negeri.

Lawatan kerja dimulakan di Bilik Gerakan Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang untuk mendengar taklimat pembangunan oleh Ketua Jajahan Gua Musang Roshdi Ismail.

Taklimat tersebut merangkumi status projek semasa, cabaran pelaksanaan serta cadangan penambahbaikan.

Dalam amanat kepada barisan pentadbir jajahan, Dato’ SUK menekankan kepentingan tadbir urus yang cekap, penyampaian perkhidmatan berkesan dan pendekatan inklusif berintegriti bagi memastikan rakyat benar-benar merasai manfaat pembangunan.

“Jabatan dan agensi perlu proaktif merangka pelan tindakan bersepadu dan memanfaatkan sepenuhnya kekuatan yang ada di Gua Musang,” tegasnya.

Lawatan diteruskan dengan

tinjauan ke beberapa tapak projek berpotensi, antaranya ialah cadangan tapak Arkeologi 1, 2 dan 3, cadangan Projek Gerbang Perdana, Taman Sri Cindai, Cadangan median selera dan hotel.

Termasuk juga cadangan Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) dan tapak DXN serta Madinatul Athasi (Bandar Perabot).

Selain itu, beliau turut meninjau Tapak Projek Hidroelektrik Nenggiri, menerima taklimat terkini daripada pihak TNB Genco sebelum melawat empangan utama yang menjadi antara komponen penting agenda tenaga boleh diperbaharui negeri.

Tambahnya, Kerajaan Negeri Kelantan kekal komited memperkukuh pembangunan di peringkat akar umbi dengan memastikan setiap projek dilaksanakan secara berkesan, mampan dan memberi manfaat langsung kepada kesejahteraan rakyat serta kelangsungan generasi akan datang.

# Cinta kepada Nabi SAW bukan bermusim - Exco Dakwah



Oleh: Asri Hamat

**BACHOK**, 23 September – Cinta kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW bukanlah sesuatu yang bermusim, sebaliknya kewajipan yang mesti dihayati setiap masa sebagai panduan hidup umat Islam.

Demikian ditekankan oleh Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud, ketika berucap pada Program Hubbun Nabi SAW Peringkat Jajahan Bachok di Dataran Perahu, Pantai Irama, di sini, semalam.

“Apabila kita mencintai Nabi SAW, kita mengharapkan syafaat

baginda di akhirat kelak. Niat hadir ke program sebegini semata-mata kerana cintakan Rasulullah SAW akan membuka jalan untuk meraih fadilat keagungan Nabi Muhammad SAW. Cinta kepada Nabi tidak boleh dihadkan pada bulan Rabiulawal semata-mata, bahkan perlu dihayati sepanjang hari, bulan dan tahun,” katanya.

Beliau turut mengingatkan bahawa Rasulullah SAW bukan sahaja tokoh agama, tetapi juga seorang pemimpin negara yang unggul dalam aspek politik, ekonomi, pendidikan, penyatuan kaum dan penyelesaian masalah sosial.

“Ikutan kita terhadap Nabi SAW

bukan hanya pada makanan, pakaian dan perkahwinan, tetapi juga dalam urusan pentadbiran dan kenegaraan. Dengan mengikuti Nabi SAW, kita akan dicintai oleh Allah SWT,” ujarnya.

Tambahnya, Kerajaan Negeri Kelantan menjadikan Program Hubbun Nabi SAW sebagai inisiatif berterusan untuk menghidupkan gelombang kecintaan kepada Rasulullah di semua peringkat.

Bermula daripada pemimpin negeri hingga ke akar umbi, termasuk agensi kerajaan, institusi pendidikan dan masyarakat umum.

Program kali ini diserikan dengan perarakan Maulidul Rasul mel-

ibatkan lebih 500 peserta daripada 46 kontinjen merangkumi agensi kerajaan negeri, persekutuan serta sekolah di Jajahan Bachok.

Kejayaan perarakan berpihak kepada PDRM Bachok yang diumumkan sebagai johan dan menerima wang tunai RM1,000 beserta hamper.

Tempat kedua diraih Pejabat Agama Jajahan (PAJ) Bachok dengan hadiah RM700, manakala SABK Darul Ulum, Kampung Kulim Bachok di tempat ketiga menerima RM500.

Turut hadir memeriahkan program, Yang Dipertua Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam, Mohd Zaki Yusof, ADN Jelawat YB Zamri Mat Nawang, ADN Tawang YB Harun Ismail, YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusof dan Ketua Whip Ahli Majlis MDB, Muslim Yusof.

Bertemakan “Hubbun Nabi – Gelombang Cinta Rasulullah”, program tersebut sekali lagi menegaskan mesej bahawa kecintaan kepada Nabi SAW bukanlah ritual bermusim, tetapi teras penghayatan sepanjang hayat.

## Penjawat awam perlu amalkan sunah Rasulullah SAW ketika jalankan tugas—YDP MDB



Oleh: Asri Hamat

**BACHOK**, 23 September – Penjawat awam diseru agar mengamalkan sunah Rasulullah SAW dalam setiap aspek kehidupan, termasuk ketika menjalankan tugas harian, bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan bersifat adil, berintegriti dan berpaksikan nilai-nilai Islam.

Yang Dipertua Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam (MDB), Mohd Zaki Yusof berkata, penjawat awam memainkan per-

anan penting dalam mencerminkan akhlak mulia Rasulullah SAW dalam setiap tindakan dan keputusan mereka.

“Rasulullah SAW merupakan contoh pemimpin terbaik yang adil, amanah, penyayang dan sentiasa memikirkan kebajikan umat. Maka, penjawat awam perlu mencontohinya dalam melaksanakan tugas dengan penuh integriti dan keikhlasan demi kesejahteraan rakyat.

“Baginda SAW juga menegaskan bahawa kejujuran adalah asas

kepada kepercayaan. Justeru, sifat ini perlu dijadikan asas dalam budaya kerja sektor awam,” katanya ketika berucap dalam Program Hubbun Nabi peringkat Jajahan Bachok, di Dataran Perahu, Pantai Irama, di sini, pada Isnin.

Mohd Zaki yang juga Ketua Jajahan Bachok turut menekankan bahawa sifat lemah lembut dan prihatin Rasulullah SAW juga harus menjadi contoh dalam penyampaian perkhidmatan awam.

Katanya, penjawat awam perlu melayani rakyat dengan penuh kesabaran, mendengar keluhan mereka serta berusaha menyelesaikan masalah dengan sebaik mungkin.

Mengulas mengenai program Hubbun Nabi, beliau menyifatkan program itu sebagai wadah untuk meningkatkan semangat kerja berpasukan dalam kalangan penjawat awam.

“Melalui perarakan yang diadakan hari ini membuktikan betapa

pentingnya kerjasama dalam mencapai sesuatu matlamat. Penjawat awam perlu saling menyokong dan mengutamakan kepentingan bersama demi kejayaan organisasi dan masyarakat,” jelasnya.

Tambah beliau, program ini bukan sekadar memperingati Rasulullah SAW, tetapi juga sebagai dorongan untuk menjadikan sunah Baginda sebagai panduan hidup.

“Dengan mengamalkan akhlak Rasulullah SAW seperti sikap adil, berhemah, lemah lembut dan prihatin, penjawat awam bukan sahaja akan menjadi cemerlang dalam tugas, tetapi juga mulia di sisi Allah SWT,” ujarnya.

Program Hubbun Nabi turut memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk memperbaharui azam dan semangat dalam mencontohi Rasulullah SAW, sekali gus menjadi titik tolak kepada perubahan positif dalam diri, keluarga dan komuniti.

# Kelantan–MPOGCF jalin kerjasama strategik pulihara hutan dan biodiversiti



Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 25 September—Usaha pemuliharaan hutan dan biodiversiti di Kelantan mendapat suntikan baharu apabila Kerajaan Negeri Kelantan dan Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF) menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bagi melaksanakan projek pemulihan ekosistem secara bersepadu.

MoA itu ditandatangani oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato'

Dr. Tengku Mohamed Faziharudean al-Haj Tengku Feissal mewakili kerajaan negeri, manakala Pengurus Besar MPOGCF Hairulazim Mahmud menandatangani bagi pihak yayasan. Majlis yang berlangsung pada Selasa itu turut disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah MPOGCF YBhg Dato' Yusran Shah Mohd Yusof serta Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Mohd Rahim Ramli.

Melalui perjanjian tersebut kedua-dua pihak komited melaksanakan projek pengurusan hutan, khususnya bagi memulihkan kawasan hutan yang terpisah akibat aktiviti pembalakan, pembinaan jalan raya dan perladangan.

"Inisiatif ini memberi tumpuan kepada perlindungan spesies terancam seperti Harimau Malaya, gajah, tapir dan beruang matahari dengan menghubungkan semula kawasan hutan agar hidupan liar dapat

bergerak bebas," menurut kenyataan MPOGCF.

Bagi tujuan itu, MPOGCF memperuntukkan RM562,000 untuk melaksanakan projek konservasi di Hutan Simpan Chabang Tongkat, Machang melibatkan kawasan seluas 10.5 hektar.

"Projek ini merangkumi penanaman pokok, penjagaan dan rawatan tanaman, dengan objektif meningkatkan populasi spesies liar serta mengurangkan risiko kemalangan jalan raya melibatkan haiwan," katanya.

Dato' Yusran Shah yang juga Ketua Setiausaha Kementerian Perladangan dan Komoditi menegaskan bahawa pemecahan hutan membawa kesan serius terhadap ekosistem.

"Penghutan semula menggunakan spesies asli dapat memperbaiki ekosistem, meningkatkan kualiti tanah dan mengurangkan hakisan. Usaha ini juga menyokong Pelan Induk

Central Forest Spine (CFS) Malaysia serta mencerminkan komitmen negara terhadap biodiversiti," katanya.

Sementara itu, YBM Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean menekankan bahawa kerjasama strategik ini memperlihatkan keazaman Kelantan untuk mencapai keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan kelestarian alam sekitar.

"Penandatanganan MoA ini adalah bukti kesungguhan kerajaan negeri bersama Kementerian Perladangan dan Komoditi dalam memastikan kelangsungan biodiversiti demi kesejahteraan generasi akan datang," jelasnya.

Kedua-dua pihak berharap kerjasama berkenaan menjadi model pemuliharaan mampan yang boleh diperluas ke kawasan lain, sekali gus menjadikan Kelantan sebagai peneraju dalam agenda kelestarian hutan dan biodiversiti negara.

# MBI Kelantan capai usia 35 Tahun, PKS lancar buku kejayaan pentadbiran

Oleh: Asyura Muhamad

**KOTA BHARU**, 24 September—Kelantan telah lebih tiga dekad ditadbir dengan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) dan bakal melangkah ke usia 35 tahun pada 21 Oktober depan.

Sempena detik bersejarah itu, Pusat Kajian Strategik (PKS) melancarkan sebuah buku berjudul Kejayaan Pentadbiran Membangun Bersama Islam (MBI) Negeri Kelantan yang disempurnakan oleh Timbalan Presiden Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Pulau Chondong YB Azhar Salleh, hari ini.

Pengarah PKS Dr. Wan Nik Wan Yusoff berkata, buku tersebut mendokumentasikan perkembangan pentadbiran negeri bermula pada tahun 1990 menerusi dasar MBI, sebelum diteruskan dengan fasa Merakyat Membangun Bersama Islam (MMBI) pada 2018 dan kini berada dalam fasa ketiga iaitu Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) sejak 2023.

"Buku ini bukan sahaja merakam sejarah, bahkan menjadi rujukan penting dalam memahami




hala tuju pentadbiran negeri yang berteraskan Islam," katanya ketika berucap pada Seminar Kejayaan MBI Negeri Kelantan di sebuah hotel, di sini.

Seminar yang dihadiri Ahli Dewan Negeri, Penyelia DUN, pengarah jabatan serta wakil daripada agensi itu telah diisi dengan beberapa sesi pembentangan yang mengupas topik-topik yang terkandung

dalam buku tersebut.

Antara pembentang yang terlibat dalam menjayakan seminar tersebut ialah Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik dan Penyelidikan) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) Dr. Nurul Akma Mohamed, Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) KIAS Dr. Tuan Mohd Sapuan Tuan Ismail, Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) Dr. Hasnan Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) Dato' Sr. Zamri Ismail serta Pengurus Kanan Modal Insan dan Pentadbiran Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) Ts. Mohd Norhaizat Naim Mohd Mazlan.



# Undang-Undang Kes Rogol Suka Sama Suka Remaja Bawah Umur **Wajar Dipinda** -YB Mohd Asri



Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM**, 24 September – Undang-undang sedia ada yang hanya mendakwa lelaki dalam kes rogol bawah umur atas dasar suka sama suka wajar dipinda agar lebih selari dengan prinsip keadilan Islam, demikian tegas Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud.

Beliau berkata, cadangan yang dibangkitkan oleh Ketua Polis

Kelantan baru-baru ini supaya peruntukan Seksyen 375 Kanun Keseksan diteliti semula adalah tepat dan seharusnya dipertimbangkan secara serius oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

“Pendedahan bahawa 90 peratus kes rogol bawah umur berlaku atas dasar suka sama suka sebenarnya menunjukkan wujudnya kes zina antara lelaki dewasa dan remaja perempuan di bawah umur. Dari sudut keadilan Islam, kedua-dua pihak yang terlibat dalam zina adalah pesalah, bukan hanya lelaki semata-mata,” katanya.

Menurutnya, undang-undang jenayah Islam secara jelas menetapkan bahawa zina iaitu persetubuhan tanpa ikatan perkahwinan sah adalah jenayah besar dan perbuatan keji. Oleh itu, undang-undang sivil negara wajar digubal semula agar tidak bersifat berat sebelah dalam menetapkan pesalah.

Bagaimanapun, YB Mohd Asri menegaskan bahawa perlindungan terhadap remaja perempuan tetap perlu diberi keutamaan, khususnya dalam kes melibatkan pengantunan seksual (sexual grooming) atau eksploitasi yang boleh mendorong mereka memberi persetujuan tanpa sedar.

“Undang-undang baharu harus menimbang secara adil elemen suka sama suka. Jika berlaku manipulasi, maka ia kekal di bawah kategori rogol. Tetapi jika benar-benar atas dasar rela tanpa paksaan, maka kedua-dua pihak perlu dikenakan hukuman yang setimpal,” jelasnya.

Beliau menambah, Kerajaan Negeri Kelantan berpandangan langkah pencegahan gejala zina dalam kalangan remaja tidak hanya bergantung kepada hukuman, tetapi juga melalui kaunseling, nasihat, hukuman takzir dan pendekatan

restoratif.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan, melalui Enakmen Kanun Jenayah Syariah telah pun memperuntukkan kesalahan zina, mukadimah zina, ikhtilat dan khawat dengan hukuman minima selaras dengan bidang kuasa terhadap menurut Akta Mahkamah Syariah 1965.

“Penguatkuasaan undang-undang Syariah, diiringi dengan pendidikan berterusan oleh pihak berwajib, mesti dipandang sebagai usaha menyeluruh bagi membendung gejala sosial remaja,” huraikannya, ketika dihubungi, hari ini.

Sehubungan itu, beliau menyeru Kerajaan Persekutuan agar segera merangka pindaan undang-undang yang lebih berkesan dan adil, demi menangani isu seks suka sama suka dalam kalangan remaja yang semakin membimbangkan.

## Tema tradisi Melayu meriahkan Karnival Cakna Rakyat di 3 DUN

Oleh: Syamimi Manah

**KOTA BHARU**, 21 September – Karnival Cakna Rakyat semalam berubah menjadi pesta warna-warni warisan apabila ribuan pengunjung hadir dengan busana tradisional Melayu Kelantan lengkap dengan kain pelikat, batik, sampin dan tanjak – sekali gus menghidupkan kembali suasana zaman silam di tengah komuniti hari ini.

Lebih istimewa, karnival anjuran Pejabat Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat DUN itu berlangsung serentak di tiga kawasan Parlimen Tumpat iaitu Kelaboran, Pasir Pekan dan Wakaf Bharu, menjadikan ia program rakyat berskala besar yang menyatukan pelbagai lapisan masyarakat.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Pasir Pekan YB Dato’ Bentara Kanan Ustaz Dato’ Ahmad Yakob dalam ucapan perasmian berkata, pemilihan tema tradisional amat signifikan kerana ia mengangkat semula warisan budaya negeri.

“Tema ini bukan sahaja mengembalikan warisan budaya Melayu Kelantan, malah membole-



hkan generasi muda mengenali dan menghargai adat resam serta seni nenek moyang,” katanya.

Sementara itu, ADN Kelaboran YB Mohd Adanan Hassan, menegaskan semangat perpaduan yang dizahirkan sepanjang karnival wajar diteruskan.

“Terima kasih kepada semua yang membuat persiapan. Setiap

zon tampil dengan khemah masing-masing. Semangat ini perlu diteruskan kerana kekuatan kita adalah pada perpaduan,” katanya ketika merasmikan program di Maahad Muhammadi Tumpat.

Pelbagai acara menarik memeriahkan karnival, antaranya perbarisan kontinjen setiap zon, persembahan silat, sukaneka pelbagai

peringkat umur, pameran agensi serta pertandingan khemah tercantik.

Selain menjadi pentas budaya, karnival itu turut menzahirkan keprihatinan kerajaan negeri menerusi penyampaian bantuan termasuk Skim Cakna Suri untuk suri rumah, Skim Pendidikan Yatim untuk anak-anak yatim, bantuan pesakit kronik serta pelbagai sumbangan lain.



Undang-Undang Kes Rogol Suka Sama Suka Remaja Bawah Umur Wajar Dipinda -YB MOHD ASRI

## Budaya Kelantan unik, berwarna-warni – Angeline Tan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 25 September – Budaya masyarakat Kelantan yang unik, berwarna-warni serta berteraskan nilai kasih sayang, hormat-menghormati dan tolong-menolong terus menjadi identiti negeri ini menarik perhatian selebriti Ardini Angeline Tan.

Beliau mengakui sepanjang pergaulan dan pemerhatiannya dengan masyarakat Kelantan, mereka saling memahami dan menganggap jiran serta rakan taulan seperti keluarga sendiri.

“Orang Kelantan hormat antara satu sama lain, tak kira bangsa. Jika ada majlis perkahwinan, kawan-kawan dan jiran akan saling membantu. Mereka anggap satu sama lain seperti keluarga.

“Rezeki juga dikongsi bersama antara orang Kelantan. Dalam Islam kita ada zakat dan sedekah, tetapi di Kelantan budaya tolong-menolong itu sebatik dalam kehidupan seharian.

“Di kedai kopi pula orang Melayu, Cina dan India boleh duduk berkumpul bersama,” katanya ketika forum Bicara Hati: Kasih Disemai, Rezeki Dikongsi, Budaya Kelantan di perkarangan Sta-



dium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu pada Jumaat.

Tambahnya, negeri Kelantan sangat unik dan berwarna-warni. Rakyat berpegang kepada ajaran Islam yang mendidik hati dan membentuk akhlak sementara interaksi sesama masyarakat berlaku dengan mesra, lembut dan penuh kasih sayang.

“Masyarakat Kelantan juga bangga mempertahankan warisan seni budaya seperti wayang kulit, wau bulan dan lagu-lagu tradisional. Identiti wanita Kelantan yang mengenakan sarung tangan dan sarung kaki turut mencerminkan nilai menjaga maruah serta adat.

“Suasana ini sangat indah, bukan sahaja pada tempatnya tetapi juga pada orang-orangnya,” akunya.

Forum tersebut dikendalikan

oleh Moderator Nur Bahirah Hazirah Shaari. Manakala pendakwah Ustazah Asmak Husin turut diundang sebagai panel.

Sementara itu, Pengarah Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeKWa), Ilvira Mohd Dasuki memaklumkan bahawa penganjuran Kelantan Charity Festival 2025 itu memberi pengisian tersendiri dengan fokus kepada ilmu dan keluarga.

“Di Kelantan, hari Jumaat diisi dengan program menuntut ilmu, manakala hari Sabtu dikhususkan sebagai hari keluarga. Masyarakat perlu wujudkan masa untuk mencari ilmu.”

Beliau turut menekankan peranan Kerajaan Negeri dalam menyokong masyarakat, khususnya wanita dan golongan memer-



lukan, melalui pelbagai inisiatif termasuk bantuan kepada armalah iaitu ibu tunggal, Skim Cakna Aulad kepada bayi yang baru lahir, Skim Cakna Hawa untuk pekerja wanita golongan B40, Skim Cakna Suri untuk suri rumah, serta bantuan kepada pesakit kanser payudara dan anak yatim.

Jelasnya lagi, Kelantan Charity Festival bukan sekadar pesta kebajikan tetapi medan untuk menyatukan hati, memupuk budaya kebersamaan dan mengukuhkan semangat tolong-menolong dalam kalangan masyarakat.

“Terima kasih diucapkan kepada penganjur bersama Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Madoo Bee, rakan strategik, para penaja dan semua petugas yang menjayakan program ini” katanya.

## Jalan Persekutuan FT008 Machang dijangka dibuka semula 27 September



Oleh: Syamimi Manah

MACHANG, 24 September – Jalan Persekutuan FT008 di sini yang ditutup sejak 14 September lalu akibat mendapan, dijangka dibuka semula kepada semua kenderaan pada 27 September ini selepas kerja pe-

masangan Jambatan Panel Keluli Bermodular (Bailey) siap sepenuhnya.

Ahli Parlimen Machang YB Wan Fayhsal Wan Ahmad Kamal berkata, pemasangan jambatan sepanjang 80 kaki model Mabey Compact 200 itu dilaksanakan bermula 18 hingga 23

September, sebelum disusuli kerja penyelarasan jalan pendekatan dari 24 hingga 26 September.

“Sekiranya cuaca mengizinkan, laluan ini boleh digunakan semula oleh orang awam pada 27 September (Sabtu),” katanya dalam satu hantaran di media sosial, semalam.

Beliau berkata, projek tersebut melibatkan 31 anggota teknikal serta jentera sokongan seperti kren, fork-lift, loader, shovel dan penjana elektrik.

Kerja-kerja berkenaan dilaksanakan secara bersepadu oleh Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ), Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia,

Pasukan Bailey JKR Machang, JKR Ulu Kinta (Perak) serta Cawangan Kerja Mekanikal JKR Kelantan.

YB Wan Fayhsal yang meninjau tapak kerja pada Isnin turut menyeru orang ramai agar mendoakan kelancaran projek itu supaya dapat disiapkan mengikut jadual, sekali gus menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak terlibat atas dedikasi dan komitmen memastikan laluan utama itu dapat digunakan kembali oleh penduduk Machang serta pengguna dari luar daerah.